

06 NOV 1997

Chuchoh

SUNGAI CHUCHOH AKAN JADI KAWASAN PERUMAHAN DAN INDUSTRI

KANGAR, 6 Nov (Bernama) -- Setelah terbiar selama 45 tahun, Sungai Chuchoh yang sebahagian besar kawasannya dipenuhi semak-samun akan bertukar menjadi kawasan perindustrian dan perumahan tidak lama lagi.

Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim berkata para pemilik tanah di situ bersetuju menjual tanah mereka untuk tujuan pembangunan setelah mereka gagal membangunkannya secara bersepadu dan individu.

Sungai Chuchoh yang terletak di kawasan Titi Tinggi dekat sini menyimpan pelbagai sejarah sejak diterokai sekumpulan 100 penduduk pada 1952.

Antaranya kegagalan para peneroka terbabit untuk mewujudkan ladang getah terbesar di negeri ini kerana ancaman pengganas komunis.

Kira-kira 20 tahun lalu, mereka menubuhkan Koperasi Hamisma Berhad bagi merancang pembangunan kawasan itu tetapi menemui jalan buntu sehingga kini.

Shahidan yang mengadakan perjumpaan dengan 166 peneroka Sungai Chuchoh serta waris-waris mereka di sini hari ini berkata kerajaan negeri bersetuju membeli tanah berkenaan supaya kawasan itu dibangunkan secepat mungkin.

Katanya Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKENPs) dan Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Perlis diarah menguruskan pembelian tanah seluas kira-kira 475.3 hektar itu.

Menurutnya sebanyak RM15 juta dijangka akan dibelanjakan untuk urusan pembelian tanah dan perkara-perkara berkaitan urusan membangunkan kawasan berkenaan.

Katanya kerajaan negeri tidak menghadapi masalah dengan pemilik tanah dalam memajukan kawasan yang terletak tidak jauh dari sempadan antarabangsa itu tetapi masalah yang dijangka dihadapi ialah untuk memindahkan kira-kira 100 buah rumah setinggan termasuk yang dihuni rakyat asing di situ.

Shahidan berharap kerja-kerja asas untuk pembangunan kawasan berkenaan dapat dimulakan akhir tahun ini.

Sungai Chuchoh pernah dilawati Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad awal tahun ini dan di situ beliau menyaksikan majlis menandatangani sebanyak 21 memorandum persefahaman (MoU) membabitkan pelabur tempatan dan luar negara. -- BERNAMA

AD RON